

PEMBESAR KESULTANAN MELAKA TAHUN 1511



Semasa Portugis menyerang Melaka 1511, beberapa pembesar Kesultanan Melaka yang membocorkan rahsia pertahanan Melaka kepada Portugis. Mereka juga menghulurkan bantuan-bantuan lain kepada Portugis.

MENANTU SULTAN ISKANDAR MUDA 1629

Ketika Sultan Iskandar Muda merancang untuk menyerang secara besar-besaran ke atas Portugis di Melaka pada tahun 1629, salah seorang menantu baginda sendiri telah membelot. Beliau secara senyap telah pergi ke Melaka untuk memberitahu Portugis tentang rancangan serangan Aceh itu.



SEJUMLAH ORANG MELAYU TAHUN 1629

Ketika angkatan tentera Aceh hampir berjaya merampas Kota Melaka dari Portugis di mana angkatan tentera Aceh sudah berjaya mengepung tentera Portugis yang terperangkap dalam kubu A Famosa itu selama lima bulan sehingga menyebabkan Portugis kebuluran. Namun terdapat sejumlah orang-orang Melayu yang menghulurkan bantuan kepada Portugis dengan menyerang angkatan tentera Aceh. Malah ada yang melaporkan kejadian ini kepada Portugis di Goa dengan harapan agar diutuskan bantuan ke atas Portugis di Melaka.

BEBERAPA ORANG RAJA TAHUN 1784

Ketika Raja Haji Fisabilillah dari Riau dan Sultan Ibrahim dari Selangor hampir berjaya merampas Kota Melaka dari Belanda di mana angkatan tentera Riau-Selangor berjaya mengepung Kota Melaka, maka beberapa orang raja dari kerajaan-kerajaan di Alam Melayu dan angkatan tentera mereka datang menghulurkan bantuan kepada Belanda.

BEBERAPA BANGSAWAN

Ketika Diponegoro memimpin perang jihad menentang Belanda dalam Perang Jawa pada tahun 1825 - 1830, beberapa bangsawan tempatan telah menjadi mata-mata Belanda bagi menewaskan angkatan perang Diponegoro.



RAJA MUDA KEDAH DAN PENGIKUTNYA

Menurut At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Tengku Ya'akob iaitu Raja Muda Kedah bersama para pengikutnya telah mengkhianati kerajaan Kedah di mana beliau dan para pengikutnya telah mengadap Raja Ligor iaitu Chao Phya Nongkon Sri Tamrat lalu membocorkan rahsia pertahanan kerajaan Kedah kepada Raja Ligor itu. Tengku Ya'akob juga telah mengemukakan kepada Raja Ligor itu beberapa cara yang mudah untuk menakluki kerajaan Kedah. Oleh itu, Siam pun dapat menakluki Kedah melalui Ligor dalam Perang Kedah-Siam 1821- 1842.

PENGAJARAN



Jangan jadi pengkhianat



Setiap bangsa pasti ada pengkhianat



Kita wajib menentang pengkhianatan

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai orang yang beriman jangan khianati Allah dan Rasul dan Khianati amanah kamu sedangkan kamu mengetahui.

[al-Anfal:(8)27]